


# ANAK KEMBAR EMPAT ZAHIR DI INDONESIA

Sesudah saya dapat melihat keadaan keempat-empat anak kembar yang masih terletak disalah sebuah rumah sakit di Bandung (hospital) maka saya telah dibawa oleh sahabat saya menemui ayah keempat-empat budak itu iaitu Tuan Fakhr al-Dīn yang menjadi leftenan satu di dalam tentera Indonesia dan menjadi pengurus besar di dalam Persatuan Islam Jawa Barat di Bandung iaitu kenalan lama saya.

Sahabat saya yang membawa saya datang ke rumah itu setibanya di pintu rumahnya mengucapkan Assalamualaikum empat yang saya faham itulah tahniah ke atasnya yang telah dihadihkan oleh Allah mendapat empat orang anak sekali. Setelah mengucapkan tahniah saya pun bertanya keadaan hal anak yang empat itu.

Tuan Fakhr al-Dīn adalah terkenal sebagai seorang pergerakan yang telah tinggal selama 30 tahun di Jawa Barat. Ia berasal dari Sumatera tetapi sungguhpun sekian lama ia di Jawa Barat adalah di katakan ia tidak tahu berbahasa

Sunda iaitu bahasa diajar di sana. Ia terkenal sebagai seorang pemuka Islam yang berusaha beberapa lamanya yang lalu bersama-sama dengan penganjur-penganjur yang lain menghidupkan persatuan Islam yang mulanya ditaja tidak membanyakkan ahli tetapi memilih orang-orang yang menjadi ahli itu kepada jenisnya yang bersih dan yakin kepada perjuangannya – yang masa itu dituju ialah jenisnya (kualiti) dan bukan banyaknya (kuantiti). Tetapi dasar ini di belakang, menurut kenyataan Tuan Fakhr al-Dīn diubah coraknya supaya membanyakkan ahli-ahlinya berhubung dengan



*Inilah gambar anak kembar empat itu. Tempat berlubang di bawah katilnya itu ialah tempat elektrik yang memanaskan dari kiri ialah Muhammad, Mahmud, Hamid, dan Ahmad.*



*Ibu dan ayah anak kembar empat iaitu Tuan*

*Fakhr al-Dīn bersama-sama isterinya – Gambar Qalam.*

\* \* \*

pemilihan-pemilihan umum yang mesti di kejar untuk keselamatan Islam di dalam masa yang akan datang. Banyak orang-orang kuat Masyumi yang ada sekarang orang-orang persatuan Islam itu seperti Muhammad Natsir, Isa Anshari dan sebagainya.

Tuan Fakhr al-Dīn sebelum mendapat anak kembar ini telah sedia ada mempunyai sepuluh orang anak dan dengan ini jumlahnya semua empat belas orang. Keempat-empat anaknya yang kembar ini dipelihara di dalam rumah sakit iaitu ditempatkan di dalam sebuah bilik daripada kaca. Di sana terletak empat buah tempat

tidur kanak-kanak yang diperbuat daripada kaca manakala di bawahnya di letakkan lampu elektrik untuk memanaskan tempat itu dan yang terbuka hanya sedikit sahaja di bahagian sebelah hadapan. Di dalam tempat tiap-tiap kanak-kanak itu, diletakkan satu ukuran panas dan orang-orang tidak dibenarkan masuk ke sana (di dalam bilik kaca itu). Pelayan yang merawatnya di dalam tempat itu hidung dan mulutnya ditutup supaya tidak mempengaruhi kepada kanak-kanak itu. Nama kanak-kanak itu ialah Muhammad, Mahmud, Hamid dan Ahmad. Pada umurnya 23 hari dalam masa dilihat itu keadaannya sihat dan makin bertambah segar.

Adalah dikatakan bahawa zahirnya anak-anak ini masing-masing bertempat bersendirinya tidak bersatu tempat sebagaimana yang biasa dizahirkan. Mudah mudahan anak-anak ini akan panjang usianya dan membawa kelimpahan kepada kedua-dua ibu bapanya.

- Idrus.

---

## UNTUK MENUNGAN

Sebenarnya orang-orang Eropah jelas kepada mereka bahawa seteguh-teguh ikatan di antara orang-orang Islam ialah ikatan “agama” dan bahawa kekuatan mereka tidak akan sempurna melainkan dengan taksuf yang berdasarkan agama. Musuh-musuh Islam yang mempunyai muslihat-muslihat yang besar di negeri-negeri Islam telah bersungguh-sungguh menghebahkan fahaman kebangsaan (yang sempit dan berbahaya) di antara orang-orang Islam, dan meracunkan fikiran mereka supaya meninggalkan taksuf kepada agama yang suci ini, dengan tujuan hendak memutuskan pertaliannya, membongkar asas binaan Islam dan memecahkan pemeluknya kepada berbagai-bagai puak dan parti. Pada hal orang-orang Islam yang sebenarnya tidak mengenal fahaman kebangsaan yang sedemikian itu malahan “Islam” itulah kebangsaan mereka yang sejati! – Muhammad Abduh.